



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan serta berumur 18 tahun dan tidak melebihi 45 tahun pada 31 Disember 2017 untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut :

JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI TADBIR
GREED	: N29
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
PENEMPATAN	: JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, MENARA PTPTN, KUALA LUMPUR

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)	:	<table border="1"><thead><tr><th>GAJI MINIMUM (RM)</th><th>GAJI MAKSIMUM (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1,493.00</td><td>5,672.00</td></tr></tbody></table>	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	1,493.00	5,672.00
GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)					
1,493.00	5,672.00					

1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki :

- a) sijil dalam bidang teknologi maklumat, sains komputer, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b) diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. IMBUHAN / ELAUN :

Selain daripada gaji bulanan, Imbuan Tetap Khidmat Awam, Bantuan Sara Hidup* dan Imbuan Tetap Perumahan* akan dibayar kepada calon yang layak.

Jenis Elaun	Jumlah
Imbuan Tetap Khidmat Awam	RM160.00
Imbuan Tetap Perumahan*	RM300.00
Bantuan Sara Hidup*	RM300.00

** Jumlah/Jenis Elaun yang dinyatakan berbeza mengikut negeri*

3. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

4. CARA MEMOHON

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) di laman web PTPTN, www.ptptn.gov.my sebelum atau pada **26 Februari 2017**.
- ii. Calon yang berjaya untuk sesi temuduga akan dihubungi melalui emel bagi makluman tarikh menghadiri temuduga serta

penyediaan dokumen-dokumen sokongan. Sila pastikan alamat e-mail masih aktif dan boleh digunakan.

5. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan yang berikut akan ditolak :

- i. Tidak memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan; atau
- ii. Maklumat yang dinyatakan tidak lengkap atau meragukan.

6. CATATAN AM

- i. Calon yang tidak menerima sebarang jawapan 3 bulan selepas dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- ii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temuduga adalah di atas tanggungjawab sendiri.
- iii. Hanya calon yang berjaya di dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.